

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	
1.1	Definisi	- 1
1.2	Fungsi	- 1
1.3	Kandungan RKK	- 1
1.4	Profil Kawasan Kajian	- 2
1.5	Guna Tanah Semasa 2014	- 4
1.6	Pemilikan Tanah	- 5
1.7	Rancangan Pembangunan	- 6
1.8	Cabaran Kawasan	- 7
1.9	Prospek Kawasan	- 8
2.0	HALA TUJU DAN KONSEP	
2.1	Misi, Matlamat & Objektif Kajian	- 9
2.2	Konsep & Strategi	- 9
2.3	Cadangan Zon Gunatanah	- 10
2.4	Pelan Kawasan Tindakan	- 11
2.4.1	Kawasan Pembangunan	- 12-16
2.4.2	Kawasan Orang Asli	- 17-18
2.4.3	Pelancongan	- 19-20
2.4.4	Infrastruktur dan Utiliti	- 21-24
2.4.5	Pertanian	- 25-26
2.4.6	Sungai	- 27-29
2.4.7	Hutan	- 30-31
3.0	CADANGAN TINDAKAN TERPERINCI	
3.1	Cadangan Projek	- 32-55
4.0	PENUTUP	- 56

1.3 KANDUNGAN RKK

1.1 DEFINISI RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

Kajian ke atas suatu kawasan yang dipilih secara khusus bagi tujuan perancangan dan pembangunan yang disediakan dalam masa yang singkat untuk tujuan pelaksanaan, mengikut Seksyen 16B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (**Akta 172**)

1.2 FUNGSI

Melengkapkan sistem perancangan fizikal negara dengan menterjemahkan polisi, dasar dan strategi Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan (RT).

Membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melakukan tindakan pembangunan dengan kadar segera bagi sesuatu kawasan

PELAN PENGURUSAN

Bertumpu kepada pelan pengurusan alam sekitar dan guna tanah.

Spesifikasi Pembangunan Terperinci

Perincian pelaksanaan pembangunan yang akan dijalankan.

Jadual Tindakan Pembangunan

Pernyataan aktiviti bagi setiap kegunaan tanah yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan Pembangunan.

Program Pelaksanaan


- Fasa dan keutamaan jenis pembangunan
- Projek pembangunan, kos dan agensi pelaksana.
- Bentuk intensif pembangunan
- Pendekatan pengurusan pelaksanaan termasuk prosedur pengambilan tanah dan pampasan.
- Peranan PBT, agensi kerajaan dan swasta.
- Peruntukan akta, peraturan sedia ada dan garis panduan bagi membantu pelaksanaan



1.4 PROFIL KAWASAN KAJIAN

LOKASI

Dalam Jajahan Kecil Lojing, Kelantan meliputi Daerah Betis, Hau dan Sigar bersempadan dengan Pahang dan Perak.



KELUASAN


26,650 hektar meliputi Kawasan Pengurusan Khas SMA dan merupakan kawasan tanah tinggi yang dikategorikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Meliputi tanah hak milik dan kawasan tадahan air

- Jalan Persekutuan FT185 (Gua Musang – Lojing) dari Kelantan, Cameron Highlands dari Pahang dan Simpang Pulai dari Perak

AKSESIBILITI

Boleh dihubungi melalui :



PENDUDUK & SOSIO EKONOMI


Penduduk 2,254 orang (JAKOA, 2009) terdiri daripada Orang Asli dan majoriti terlibat dengan aktiviti pertanian.

SUHU DAN KELEMBAPAN


Purata suhu 18°C

Suhu bagi 24 jam yang terendah adalah 17.6°C pada tahun 1999



Suhu tertinggi adalah 8.5°C pada tahun 1998



Taburan Hujan di Stesen Meteorologi Malaysia yang terdekat untuk Tanah Tinggi Lojing

**KETINGGIAN DAN KECERUNAN****Analisis Ketinggian**


	KETINGGIAN (METER)	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS
	300-500	257.4	01.25%
	500-1000	6,970.0	26.14%
	1000-2000	19,350.0	72.05%
	> 200	72.6	00.56%
		26,650.0	100%

**Analisis Kecerunan**

	KECERUNA N	HEKTAR	PERATUS
	< 15°	4,473	17%
	16-25°	10,605	39.6%
	26-35°	8,886	33.2%
	> 35°	2,686	10.2%
		26,650	100%

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

1.5 GUNA TANAH SEMASA 2014





PETUNJUK

	HEKTAR	PERATUS	
PERTANIAN	3,208	12	SUNGAI
HUTAN SIMPAN	13,150	50	SEMPADAN KAWASAN KAJIAN
HUTAN NEGERI	9,739	36	SEMPADAN NEGERI
KERJA TANAH	396	1.5	# KAMPONG ORANG ASLI
JALAN	150	0.5	2 PEJABAT KERAJAAN
PERNIAGAAN	4	0	SEKOLAH
PENEMPATAN	1	0	< MINI HIDRO
SEKOLAH RENDAH	2	0	* MASJID/SURAU

PELAN LOKASI



1.6 PEMILIKAN TANAH



PEMILIKAN	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS (%)
TANAH KERAJAAN	2567	9.64
TANAH PAJAKAN/BERIMILIK	9411.3	35.32
RIZAB ORANG ASLI	821.7	3.08
HUTAN SIMPAN	13,850	51.96
JUMLAH	26,650	100

■ TANAH KERAJAAN
■ TANAH PAJAKAN
■ REZAB ORANG ASLI
■ HUTAN SIMPAN

----- SEMPADAN RANCANGAN KEMAJUAN KHAS TANAH TINGGI LOJING
----- SEMPADAN NEGERI
----- JALAN



1.7 RANCANGAN PEMBANGUNAN

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 2


RFN2 mengesyorkan bahawa masa depan pembangunan bandar dan pertanian di kawasan tanah tinggi hanya dibenarkan di dalam Kawasan Pengurusan Khas (SMA) dan Tanah Tinggi Lojing termasuk di dalam kawasan SMA.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI KELANTAN

Lojing telah dimartabatkan sebagai salah satu kawasan pertumbuhan Polycentric.

Di sepanjang Koridor Pelancongan Gua Musang - Lojing, pembangunan bandar akan tertumpu terutamanya di kawasan pertumbuhan Gua Musang dan kawasan pertumbuhan Lojing. Manakala selebihnya di kawasan Lojing akan dilindungi sebagai kawasan hutan rizab dan kawasan tадahan air

Tanah Tinggi Lojing (dengan ketinggian lebih daripada 1,000m) ditentukan sebagai pusat peranginan pelancongan tanah tinggi



RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN GUA MUSANG

RKK Tanah Tinggi Lojing terletak di dalam Blok Perancangan 4 (BP4), Jajahan Kecil Lojing. BP4 mengandungi tiga blok perancangan kecil iaitu **BPK 4.1 Bandar Baru Sigar**, **BPK 4.2 Tanah Tinggi Lojing** dan **BPK 4.4 Hutan Simpan Sg. Betis** dan Sg. Brooke.



1.7 RANCANGAN PEMBANGUNAN

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 2


RFN2 mengesyorkan bahawa masa depan pembangunan bandar dan pertanian di kawasan tanah tinggi hanya dibenarkan di dalam Kawasan Pengurusan Khas (SMA) dan Tanah Tinggi Lojing termasuk di dalam kawasan SMA.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI KELANTAN

Lojing telah dimartabatkan sebagai salah satu kawasan pertumbuhan Polycentric.


Di sepanjang Koridor Pelancongan Gua Musang - Lojing, pembangunan bandar akan tertumpu terutamanya di kawasan pertumbuhan Gua Musang dan kawasan pertumbuhan Lojing. Manakala selebihnya di kawasan Lojing akan dilindungi sebagai kawasan hutan rizab dan kawasan tадahan air

Tanah Tinggi Lojing (dengan ketinggian lebih daripada 1,000m) ditentukan sebagai pusat peranginan pelancongan tanah tinggi



RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN GUA MUSANG

RKK Tanah Tinggi Lojing terletak di dalam Blok Perancangan 4 (BP4), Jajahan Kecil Lojing. BP4 mengandungi tiga blok perancangan kecil iaitu **BPK 4.1 Bandar Baru Sigar**, **BPK 4.2 Tanah Tinggi Lojing** dan **BPK 4.4 Hutan Simpan Sg. Betis** dan Sg. Brooke.



1.8 CABARAN

1 Kehilangan kanopi hutan dan kemerosotan biodiversiti



2 Pencemaran dan pemendapan sungai



3 Perancangan pembangunan yang tidak teratur dan konflik guna tanah



4 Pengurusan dan amalan pertanian tidak terkawal



5 Kemerosotan sumber pelancongan & kemudahan sokongan



6 Petempatan dan peluang ekonomi Orang Asli kurang berdaya maju



7 Kekurangan infrastruktur, kemudahan awam dan sosial



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

1.9 PROSPEK KAWASAN

DASAR KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Program Transformasi Ekonomi (ETP) mengenalpasti Tanah Tinggi Lojing sebagai Projek Penggerak Ekonomi (EPP) sektor pertanian dan pelancongan. Lojing dibangunkan sebagai hub pertanian tanah tinggi dan pelancongan.



KAYA SUMBER SEMULAJADI

Tanah Tinggi Lojing kaya dengan rizab hutan simpan kekal, flora dan fauna seperti *Rafflesia Kerrii* dan jeram-jeram sungai yang berpotensi sebagai produk pelancongan.

SUHU SEJUK DAN TANAH TINGGI

Sesuai untuk pertanian tanah tinggi yang bersuhu sejuk seperti sayuran dan bunga serta aktiviti pelancongan tanah tinggi.



BERJIRAN DENGAN CAMERON HIGHLANDS

Menjadi sokongan kepada Cameron Highlands yang memiliki kemudahan pelancongan, perniagaan, institusi kewangan, infrastruktur dan utiliti yang lengkap dan sempurna.

POPULASI ORANG ASLI

Petempatan orang asli yang awal dan berselerak di Lojing berpotensi menjadi produk pelancongan budaya, kraf dan *homestay*.



MODEL PENGURUSAN PERTANIAN YANG BAIK

Berpeluang dan berpotensi untuk mengaplikasikan amalan pertanian yang baik dan menjadi *showcase* dalam pembangunan tanah tinggi.



KEMUDAHSAMPAIAN

Melalui Lebuhraya Simpang Pulai – Lojing – Gua Musang memudahkan sistem pembangunan Lojing, pemasaran pertanian dan kedatangan pelancong.

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.1 MISI, MATLAMAT & OBJEKTIF KAJIAN

MISI

PEMULIHARAAN DAN
PEMELIHARAAN TANAH TINGGI


MATLAMAT

“Menjadikan Lojing Sebagai Pusat *Showcase* Pemuliharaan dan
Pemeliharaan Tanah Tinggi Yang Diterokai”

OBJEKTIF

1. Merangka langkah-langkah pemeliharaan dan pengawalan tanah tinggi dan alam semula jadi ke arah eko pelancongan.
2. Menyelaras dan mencadangkan komponen gunatanah yang bersesuaian di kawasan KSAS dan SMA.
3. Merancang aktiviti pertanian yang terkawal di kawasan yang diterokai sebagai tarikan agro pelancongan.
4. Merangka pelan pengurusan tanah tinggi yang terpelihara, mampan dan selamat.


2.2 KONSEP & STRATEGI PEMBANGUNAN



2.3 CADANGAN ZON GUNATANAH

Fungsi	Komponen Guna Tanah	Zon Guna Tanah	Penerangan	Lokasi Kawasan
Kawasan Pemeliharaan	Kegunaan Hutan	Hutan Simpan	Kawasan yang dikhaskan untuk pemuliharaan dan pemeliharaan hutan dan sumber asli	Hutan Simpanan Kekal yang sedia ada dan cadangan
		Penggunaan Hutan	Kawasan dengan ekologi dan biodiversiti yang tinggi dan perlu dilindungi dan dipelihara	Kawasan Pemeliharaan Rafflesia, Hutan Tadahan Air, Hutan Perlindungan Tanah
Kawasan Kawalan	Pertanian Hutan	Pertanian Hutan	Merujuk kepada tanah yang sebahagian besarnya digunakan untuk ladang hutan dengan spesies pokok hutan tidak kurang daripada 70% kawasan dan 30% kawasan boleh digunakan untuk kegunaan pertanian lain	Kawasan ladang hutan yang berhampiran dengan tanah rendah
	Kawasan Orang Asli	Tanah Rizab Orang Asli	Kawasan untuk petempatan dan pertanian Orang Asli	Kawasan petempatan Orang Asli
Kawasan Pembangunan	Pertanian	Pertanian Tanah Tinggi	Merujuk kepada kawasan pertanian tanah tinggi yang sensitif, berpotensi untuk pertanian iklim suhu sederhana yang memerlukan langkah-langkah kawalan untuk mengurangkan impak negatif terhadap kualiti alam sekitar	Kawasan pertanian tanah tinggi
	Pembangunan Bandar	Kawasan Bandar	Kawasan pembangunan bandar, seperti kediaman, komersial, institusi dan sebagainya.	Bandar Pentadbiran Pos Brooke, Bandar Peranginan Sigar, Bandar Diraja Lojing

Luas Kawasan Mengikut Zon Guna Tanah



Fungsi Utama Kawasan	Zon Guna Tanah	Luas Kawasan	
		hektar	%
Kawasan Pemeliharaan	Hutan Simpan	13,150	50
	Kegunaan Hutan	5,180	20
Kawasan Kawalan	Ladang Hutan	1,360	5
	Kawasan Orang Asli	630	2
Kawasan Pembangunan	Pertanian Tanah Tinggi	4,980	18
	Pembangunan Bandar	1,350	5
JUMLAH		26,650	100
PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI			

2.4 PELAN KAWASAN TINDAKAN

1 KAWASAN PEMBANGUNAN Penggunaan tanah pembangunan dengan mampan

2 KAWASAN ORANG ASLI Peningkatan kualiti hidup kawasan orang asli

3 SUMBER PELANCONGAN Peningkatan produk dan kemudahan pelancongan

4 INFRASTRUKTUR & UTILITI Penyediaan kemudahan asas yang mencukupi

5 KAWASAN PERTANIAN Amalan pertanian yang baik

6 KAWASAN SUNGAI Pengurusan kawalan pencemaran sungai

7 KAWASAN HUTAN Melindungi dan memelihara sumber asli



2.4.1 KAWASAN PEMBANGUNAN

STRATEGI : Penggunaan Kawasan Pembangunan dengan Mapan




Hutan Simpan Kekal Melebihi 1000m tidak dibenarkan pembalakan

Koridor sungai utama distabilkan

Hutan simpan negeri digazet sebagai hutan simpan kekal

Pertanian tanah tinggi perlu mematuhi Garis Panduan Pembangunan Pertanian Tanah Tinggi



GAMBAR-GAMBAR YANG DIPAPARKAN UNTUK HIASAN SAHAJA



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.4.1 KAWASAN PEMBANGUNAN

STRATEGI : Penggunaan Kawasan Pembangunan dengan Mampan

A. KONSEP PEMBANGUNAN TERTUMPU


Pembangunan akan ditumpu ke beberapa kawasan lembangan sungai yang kecil dan 3 pusat perbandaran dengan fungsi-fungsi utama seperti berikut:-

- i. Pusat Pentadbiran Pos Brooke
 - **Pusat pentadbiran** Jajahan Kecil Lojing dan pusat kebudayaan Orang Asli;
- ii. Bandar Peranginan Sigar
 - **Pusat peranginan** dengan kemudahan pelancongan;
- iii. Pusat Agro-Pelancongan Lojing
 - **Pusat perkhidmatan** untuk **pertanian** tanah tinggi dan jualan hasil pertanian.

B. KAEADAH PENGAWALAN GUNA TANAH

Kawalan pembangunan perlu diperketatkan dalam lingkungan **kawasan lembangan sungai** yang kecil atau yang tertentu untuk mengurangkan ancaman hakisan tanah dan mendapan, iaitu:-

- i. Kawasan lembangan sungai yang kecil, **Sg. Pelaur, Sg. Belatop** dan **Sg. Jelai** ;
- ii. Sebahagian kawasan lembangan sungai yang kecil (hilir) **Sg. Denkong** dan **Ulu Brooke** ;
- iii. Sebahagian kawasan lembangan sungai yang Kecil (hulu) **Sg. Brooke** dan **Sg. Jerok**.




Tumpuan Pembangunan Perbandaran



Kawasan lembangan perlu dikawal bagi mengurangkan risiko pencemaran sedimen


Pembangunan Tertumpu

i. Pusat Pentadbiran Pos Brooke

**PETUNJUK**

KOMPONEN PEMBANGUNAN	Unit	Lahan Hektar	Persentase Ekor
A. PERUMAHAN			
Kawasan Kukusan/gerangan		24.140	59.85 11.04
Kawasan Kekasih/Jabatan		5.140	12.72 2.35
KKJ		3.040	7.53 1.38
Kediaman Orang Jepun		0.227	0.56 0.10
Tapak Peruncitan 2		15.716	38.03 7.18
B. PERNIAGAAN		0.296	20.50 3.79
Dewan Melayu		0.009	2.00 0.37
RAB dan Pekakaian		7.487	18.95 3.42
C. INSTITUSI		109.706	271.14 50.16
Kompleks Pendidikan Kerajaan		2.725	6.73 1.25
Masjid		0.806	1.96 0.57
Klinik Kesihatan		2.440	6.05 1.12
Bala Polis		0.896	20.01 3.07
Bala Bomba		2.388	5.90 1.09
Tapak MDGM		16.879	41.21 7.82
Tapak KEEDAR		0.608	1.50 0.28
Sekolah Menengah		3.754	9.26 1.72
Pondok Modern		0.52	0.52 1.58
Rende Kerjaya 1		12.654	31.27 5.78
Rende Kerjaya 2		10.051	26.81 4.96
Rende Kerjaya 3		6.995	17.26 3.20
Rende Kerjaya 4		4.011	10.63 3.11
Rende Kerjaya 5		5.724	14.14 2.62
Rende Kerjaya 6		1.906	4.71 0.67
Rende Kerjaya 7		8.935	21.99 3.90
Rende Kerjaya 8		7.229	17.96 3.30
Rende Kerjaya 9		10.817	26.24 4.85
Rende Kerjaya 10		2.287	5.95 1.05
Kabir Orang Asli		0.009	2.00 0.37
D. KAWASAN LAPANG		3.482	8.80 1.89
Kawasan Rekreasi		3.482	8.80 1.58
E. PERTANIAN		47.374	117.96 21.88
Tapak Ladang		32.839	81.15 15.01
Tapak Ladang Penggarisan		14.535	35.92 6.64
F. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI		20.885	49.83 9.18
Rende Sungai		3.031	9.47 1.75
Rende Pant		1.234	3.05 0.56
Jalan		15.620	37.12 6.87

JUMLAH KELUASAAN TAPAK A: 109.707 ha (466.30 90.85)
JUMLAH KELUASAAN TAPAK B: 20.453 ha (56.54 9.35)
JUMLAH KESELURUHAN TAPAK A + B: 219.790 ha (540.84 100.00)

**KEBUDAYAAN ORANG ASLI DAN PUSAT PELANCONGAN**

Perumahan untuk pekerja kerajaan, swasta dan ladang serta lot komersial, pasar, gerai dan kompleks perniagaan

KEDIAMAN

Universiti awam atau swasta yang bertumpu pada bidang pertanian, perhutanan, eko pelancongan dan biodiversiti.

INFRASTRUKTUR

Pembinaan loji rawatan air tangki bagi membekal air bersih untuk seluruh penempatan orang asli. Loji rawatan kumbahan dibina di kawasan rendah di bahagian utara Pos Brooke. Bekalan elektrik untuk menyokong aktiviti ekonomi dan pelancongan di kawasan sekitar.

PUSAT BANDAR POS BROOKE

Sekolah berasrama penuh kerajaan dan swasta yang bertaraf tinggi

PUSAT KOMUNITI PERKAMPUNGAN

Pusat kajian bioteknologi dan biodiversiti produk hutan, spesis hutan, flora dan fauna hutan hujan Malaysia .



Pembangunan Tertumpu

ii. Pusat Peranginan Sigar



Pembangunan berciri bandar peranginan yang mengandungi kediaman, perdagangan, rekreasi, institusi dan pertanian.

EKO-PELANCONGAN DAN AGRO-PELANCONGAN


Aktiviti pelancongan yang mengambil kira topografi semasa, alam semulajadi dan budaya setempat.

PUSAT PERNIAGAAN

Membina pusat perniagaan, kedai kecil-kecilan dan pusat beli belah berdasarkan tema hutan hujan tropika, Persekutuan memberi gaya pastoral bagi petani dan penduduk memasarkan hasil pertanian di rumah.


KOMPLEKS KERAJAAN

Menyediakan tapak pejabat kerajaan dan kuarters yang sempurna dan bersepadu.



Pembangunan Tertumpu

iii. Pusat Agro Pelancongan Lojing



PEMBANGUNAN BERCAMPUR

Perumahan untuk pekerja kerajaan, swasta dan ladang serta lot komersial, pasar, gerai dan kompleks perniagaan

UNIVERSITI

Universiti awam atau swasta yang bertumpu pada bidang pertanian, perhutanan, eko lancang dan biodiversiti.

PUSAT PRODUK PERTANIAN

Pusat penyimpanan, pengedaran, pembungkusan dan pengangkutan hasil-hasil pertanian.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

Sekolah berasrama penuh kerajaan dan swasta yang bertaraf tinggi .

PUSAT BIOTEKNOLOGI

Pusat kajian bioteknologi dan biodiversiti produk hutan, spesis hutan, flora dan fauna hutan hujan Malaysia .

KAWASAN REKREASI

Taman bandar sepanjang Sungai Jelai, taman hutan semulajadi dan kawasan rekreasi bandar

MAJLIS SUKAN NEGARA

Pusat latihan sukan dan pelancongan sukan

PETUNJUK

KOMPONEN PEMBANGUNAN	Unit	Luas		Peratusan (%)
		Hektar	Ekar	
A. PERUMAHAN		115.633	285.73	11.97
Perumahan Densiti Sederhana		49.688	122.78	5.14
Perumahan Densiti Rendah		65.945	162.95	6.82
B. PERNIAGAAN		24.382	60.25	2.32
Plot Perniagaan 1		7.637	18.87	0.79
Plot Perniagaan 2		4.987	12.32	0.52
Pusat Spa & Keshatan		6.770	16.73	0.70
Resort & Hotel		4.987	12.32	0.52
C. INSTITUSI		128.876	318.46	13.34
Sekolah Arama/Kolej		33.410	82.56	3.46
Pusat Penyelidikan & Pembangunan		11.337	28.01	1.17
Pusat Biodiversiti		62.010	153.23	6.42
Pusat Pembangunan Ummah 1		10.519	25.99	7.71
Pusat Pembangunan Ummah 2		5.366	13.26	0.56
Pusat Pembangunan Ummah 3		4.856	12.00	0.50
Masjid Jubli		1.378	3.41	0.14
D. PERINDUSTRIAN		90.807	224.39	9.40
Industri Ringan		4.237	10.47	0.44
Pusat Pengumpulan & Pembungkusan		46.483	114.86	4.81
Pusat Bioteknologi		40.087	99.06	4.15
E. PERTANIAN		373.651	923.31	38.67
Pertanian Komersil 1		82.539	203.96	8.54
Pertanian Komersil 2		113.914	281.49	11.79
Ladang Organik 1		59.672	147.45	6.18
Ladang Organik 2		45.870	113.35	4.75
Ladang Bunga-Bungan		32.408	80.08	3.35
Ladang Bunga & Sayur		39.249	96.99	4.06
F. KAWASAN LAPANG		79.051	195.34	8.18
Taman Botani		19.064	47.11	1.97
Taman Ekstrem		50.807	125.55	5.26
Kawasan Lapang		9.179	22.68	0.95
G. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI		153.996	380.31	15.93
Pencawang Masuk Utama		5.117	12.64	0.53
Kolam Tadahan		9.805	24.23	1.01
Rezab Sungai		2.611	6.45	0.27
Jalanraya		136.373	336.98	14.11
JUMLAH KESELURUHAN		966.365	2,387.78	100.00

2.4.2 KAWASAN ORANG ASLI

STRATEGI : Peningkatan Kualiti Hidup Kawasan Orang Asli

Meningkatkan kualiti petempatan orang asli

Merizab tanah untuk masyarakat orang asli



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.4.2 KAWASAN ORANG ASLI


STRATEGI : Peningkatan Kualiti Kawasan Hidup Orang Asli

A. CADANGAN REZAB KAWASAN ORANG ASLI

Penempatan Orang Asli dicadangkan di Kg. Jedip.

Penyediaan **ruang niaga** untuk Orang Asli seperti pusat menjual kraf tangan, cenderamata, makanan dan minuman

Penglibatan Orang Asli dalam sektor pertanian dan pelancongan.



B. CADANGAN KEMUDAHAN ASAS KAWASAN ORANG ASLI


Pos Broke	Plot Individu	Hutan Komuniti
<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan awam (kesihatan, pendidikan, dan lain-lain) Kawasan rekreasi Kawasan kebudayaan (warung, dan lain-lain) Tanah perkuburan Kawasan pelancong (pusat kraftangan, <i>homestay</i>, dan lain-lain) 	<ul style="list-style-type: none"> Bangunan rumah kediaman Kawasan tanaman ubi kayu, sayur-sayuran dan tumbuhan ubatan Kawasan tanaman padi Kawasan dusun 	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan hutan Kawasan penangkapan ikan Kawasan tadahan air Kawasan rayau

2.4.3 PELANCONGAN

STRATEGI : Peningkatan Produk dan Kemudahan Pelancongan

Mengenalpasti dan membangunkan sumber tarikan pelancongan kearah pelancongan bertaraf kebangsaan

Membangun sumber dan infrastruktur pelancongan dengan pemeliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber asli yang mampan.



2.4.3 PELANCONGAN

STRATEGI : Peningkatan Produk dan Kemudahan Pelancongan

Kerajaan juga komited untuk membangunkan sumber-sumber pelancongan ke arah Tanah Tinggi Lojing sebagai destinasi pelancongan Tanah Tinggi, dengan sasaran pelancong dijangka mencapai **390,700 orang menjelang tahun 2030**.

Prinsip-prinsip pembangunan pelancongan **mapan** merujuk kepada aspek-aspek alam sekitar, ekonomi dan sosio budaya bagi pembangunan pelancongan, untuk menjamin kemapanannya dalam jangka masa yang panjang.

A. SUMBER-SUMBER TARIKAN PELANCONGAN

i. Sumber Eko Pelancongan dan Warisan Budaya Orang Asli

Sumber-sumber **eko pelancongan** dan **warisan budaya Orang Asli** yang melibatkan kawasan hutan semulajadi adalah sumber pelancongan yang utama di Tanah Tinggi Lojing yang harus dipelihara.



B. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELANCONGAN

Cadangan pembangunan pelancongan ini berserta kemudahan infrastruktur dijangka dapat menarik kedatangan pelancong domestik dan asing ke Lojing sehingga 390,700 orang pada tahun 2030

Unjuran kedatangan pelancong ke Jajahan Kecil Lojing bagi tahun 2010-2030.

Tahun	Tahanan Pelancong	Pelancong Domestik	Pelancong Asing	Domestik : Asing
2010	13,900	2,800	11,100	20:80
2015	20,000	6,000	14,000	30:70
2020	43,900	17,600	26,300	40:60
2025	113,800	68,300	45,500	60:40
2030	390,700	273,500	117,200	70:30

460 bilik penginapan diperlukan sama ada dalam bentuk hotel, chalet, asrama atau *homestay*.

Kemudahan MICE juga digalakkan

Kemudahan sokongan yang lain seperti pusat informasi pelancongan, medan selera, agensi-agensi pelancongan, pusat beli-belah, perkhidmatan pengurup wang dan sebagainya

2.4.4 INFRASTRUKTUR & UTILITI


STRATEGI : Penyediaan Kemudahan Asas yang Mencukupi

Menyediakan sistem rangkaian jalan raya untuk menghubungi kawasan-kawasan pembangunan yang dicadangkan.

Mempastikan sistem saliran yang baik di Tanah Tinggi Lojing

Menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal untuk aktiviti perbandaran dan pertanian.

Penyediaan bekalan elektrik yang mencukupi di Tanah Tinggi Lojing



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.4.4 INFRASTRUKTUR & UTILITI

STRATEGI : Penyediaan Kemudahan Asas yang Mencukupi

A. SISTEM PERPARITAN

Sistem perparitan perlu disediakan bagi fungsi mengurangkan kadar hakisan dan mendapan tanah.

Menyediakan sistem perparitan yang terperinci di peringkat rekabentuk kerja tanah dan pembangunan, termasuk langkah-langkah kawalan hakisan tanah.

B. RANGKAIAN JALAN


Cadangan meningkatkan akses melalui Lebuhraya Simpang Pulai - Gua Musang ke Pusat Pentadbiran Pos Brooke, Bandar Peranginan Sigar dan Bandar Agro Pelancongan Lojing melalui penyediaan jalan susur/ jalan tempatan.

Jalan alternatif yang dicadangkan adalah

- i. Menaik taraf 2.5km jalan lama di Tanah Tinggi Lojing dari 40 kaki ke 66 kaki;
- ii. Pembinaan 2.7km jalan 66 kaki di Bandar Peranginan Sigar;
- iii. Pembinaan 6.6km jalan 66 kaki di kawasan antara Bandar Peranginan Sigar dengan Pusat Pentadbiran Pos Brooke.

Cadangan jalan 2.7km di Bandar Peranginan Sigar dicadangkan supaya dibina oleh pemilik tanah/ pemaju. Manakala bahagian jalan alternatif yang selebihnya akan dibina oleh kerajaan.

Satu jalan baru (40 kaki) juga dicadangkan bagi menghubungkan kawasan pertanian yang baru sebelah barat Tanah Tinggi Lojing.



2.4.4 INFRASTRUKTUR & UTILITI

STRATEGI : Penyediaan Kemudahan Asas yang Mencukupi

C. BEKALAN AIR

Bagi memenuhi keperluan air, dianggarkan setiap 1 hektar tanah pertanian memerlukan 1.3 hektar kawasan tадahan air. Seluas 740 hektar kawasan тадahan air diperlukan untuk menampung permintaan di masa hadapan.

Berdasarkan analisis, kawasan tadahan air tersebut **tidak mencukupi untuk bekalan air pada masa depan** dan tambahan 3.5km^2 kawasan tadahan diperlukan. **Kualiti air minimum perlu pada Kelas II.**

Loji rawatan air semasa berada di **Sg. Jelai** melibatkan **430 hektar kawasan tадahan** mampu membekalkan **5 juta liter padu** air untuk Pusat Agro Pelangongan Lojing dan Bandar Peranginan Sigar.

Cadangan mewujudkan **Satu loji rawatan air baru** di kawasan tadahan air yang berdekatan dengan **Pos Brooke**.

Anggaran Permintaan Air dan Luas Kawasan Tadahan Berdasarkan Unjuran Populasi Tanah Tinggi Lojing bagi Tahun 2030

Bil	Lokasi	Unjuran	Permintaan	Permintaan	Luas Kawasan
		Penduduk	Air	n Air	Tadahan
		Tahun 2030	(m ³ /hari)	(MLD)	Air(hek.)
Kampung Orang Asli					
1	Pos Brooke	3,410	680	0.68	70
Pusat Petempatan Utama					
1	Pusat Pentadbiran Pos Brooke	7,980	1,840	1.84	200
2	Bandar Peranginan Sigar	8,732	2,010	2.01	220
3	Pusat Agro Pelancongan Lojing	10,243	2,360	2.36	250

**Cadangan Kawasan Tadahan Air
yang Baru di Tanah Tinggi Lojing**




2.4.4 INFRASTRUKTUR & UTILITI

STRATEGI : Penyediaan Kemudahan Asas yang Mencukupi


D. BEKALAN ELEKTRIK

Grid bekalan elektrik dicadangkan disambung bermula dari Pencawang Masuk Utama (PMU) sedia ada di **PMU Bintang** di Cameron Highlands. Sambungan grid bekalan elektrik dari PMU Bintang adalah sejauh 45km berbanding PMU Gua Musang sejauh 100km.



Terdapat sebuah loji kuasa mini-hidro sedang dibina di Pos Brooke oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk penjanaan elektrik dengan **kapasiti 4.25 MW/5,474 MWH**. Walau bagaimanapun, kuasa elektrik yang akan dijanakan dari mini-hidro tersebut akan disalurkan secara terus ke PMU Bintang.

Sambungan Grid Bekalan Elektrik ke Tanah Tinggi Lojing



E. PENGURUSAN SISA

Dalam jangka masa pendek, bahan buangan dari Tanah Tinggi Lojing dicadangkan supaya dilupuskan di insinerator Kg. Raja Cameron Highlands.

Insinerator Kg. Raja, berkeupayaan melupuskan 40 tan/hari sisa domestik pertanian dan mempunyai tempoh hayat selama 10 tahun dan sel pertama boleh digunakan sehingga 5 tahun.

Cadangan tapak pelupusan seluas 15 ekar akan dikenalpasti dan memerlukan kajian selanjutnya.

Cadangan tapak pelupusan yang baru akan dilaksanakan dalam empat fasa seperti berikut:-

Fasa	Tempoh	Komponen
1	2011 – 2015	<ul style="list-style-type: none"> • 1 ekar kawasan pengkomposan • 3 ekar tapak pelupusan • Insinerator Talian Pertama 20 tan / hari
2	2015 – 2020	<ul style="list-style-type: none"> • 3 ekar tapak pelupusan • Insinerator Talian Kedua 20 tan / hari
3	2021 – 2025	<ul style="list-style-type: none"> • 4 ekar tapak pelupusan • 4 ekar tapak pelupusan
4	2026 – 2030	<ul style="list-style-type: none"> • 4 ekar tapak pelupusan

2.4.5 PERTANIAN

STRATEGI : Amalan Pertanian yang Baik



HUTAN SIMPAN KEKAL LOJING

JAJAHAN KECIL LOJING



TANPA SKALA

- Hutan Simpan Kekal
- Hutan Simpan Negeri
- Pertanian
- Rizab Orang Asli

SG. RENOR

POS BROOKE

SG. MENGORDO

KE GUA MUSANG

KE CAMERON HIGHLANDS

PAHANG

Memastikan amalan pembangunan pertanian tanah tinggi yang mampan dan baik oleh pemilik tanah dan peladang

Mengawal aktiviti pembangunan pertanian, terutama kerja-kerja tanah dan pembinaan struktur.

Menyediakan kemudahan sokongan bagi menyokong pemasaran hasil pertanian seperti CPPC dan makmal.




CONTOH PUSAT PENGUMPULAN HASIL PERTANIAN



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.4.5 PERTANIAN

STRATEGI : Amalan Pertanian yang Baik



A. AMALAN PERTANIAN TANAH TINGGI YANG BAIK

Pemilik tanah, peladang dan pertanian perlu mengamalkan pembangunan pertanian yang baik, melalui perlaksanaan “Garis Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun”.

Produk-produk pertanian harus disahkan oleh pihak berkuasa dan mematuhi piawaian berikut :

- Skim Persijilan Ladang Malaysia bagi amalan pertanian Baik (SPLM), (DOA, 2007)**
- Standard bagi skim organik Malaysia (SOM), (DOA, 2007)**

Melaksanakan program latihan kepada Petani dan pengusaha pertanian

B. KAWALAN AKTIVITI PERTANIAN

Penggunaan struktur pelindung hujan memerlukan kerja-kerja tanah akan menyebabkan pencemaran kepada sistem sungai.

Pembangunan pertanian dibenarkan setelah Laporan Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (ESCP) dan Kebenaran Merancang diluluskan dan dipatuhi.

Penguatkuasaan yang ketat perlu bagi meminimumkan hakisan tanah dan pencemaran alam sekitar.

Kawasan berkecerunan kurang daripada 25° berpotensi untuk pembangunan pertanian.

C. KEMUDAHAN UNTUK PENGETAHUAN PERTANIAN

Untuk pembangunan pertanian kemudahan sokongan yang perlu disediakan dengan usahasama antara pihak kerajaan, pemaju dan pengusaha, antaranya ialah :-

- Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC),
- Pusat pemasaran hasil pertanian,
- Pusat latihan untuk pertanian dan sebagainya.

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI


2.4.6 SUNGAI

STRATEGI : Pengurusan dan Kawalan Pencemaran Sungai

Merancang kawasan tadahan saliran mengikut fungsi utama untuk pembangunan atau perlindungan

Mengawal hakisan tanah & mendapan di kawasan pembangunan pada peringkat kebun, ladang dan tadahan saliran.

Memelihara kawasan rizab / koridor sungai



Talang (*gutter*) dan paip turun dari pelindung hujan (*rain shelter*) di sambung ke sistem pengairan utama di kawasan pertanian



Perangkap kelodak perlu di bina di 'outlet' parit sebelum air dilepaskan ke sungai utama



Kaedah Untuk Menstabilkan Cerun Akibat Kegiatan Pertanian



2.4.6 SUNGAI

STRATEGI : Pengurusan dan Kawalan Pencemaran Sungai

A. KAWASAN LEMBANGAN SUNGAI

Tujuh kawasan lembangan sungai yang dikenal pasti iaitu Sg. Jelai, Sungai Belatop, Sungai Denkong, Sungai Pelaur, Sungai Jerok, Sungai Brooke dan Ulu Brooke perlu dirancang mengikut fungsi utama samada untuk pembangunan atau pemuliharaan.



Kawasan Lembangan Sungai dan Cadangan Stesen Kualiti Air



Pengawalan Hakisan Tanah melalui pembentukan platform tanah

B. KAWALAN HAKISAN TANAH DAN MENDAPAN

Hakisan tanah dan mendapan di kawasan pembangunan perlu dikawal pada 3 peringkat iaitu :

i. Peringkat Kebun

Bagi pemilik tanah yang hendak memajukan tanah mereka dengan luas kawasan yang kurang daripada **50 hektar**, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Kawalan Hakisan dan Sedimen (ESCP) dan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) mesti disediakan untuk mendapatkan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Manakala bagi tanah yang dipajakkkan kepada petani, pemilik tanah mesti memastikan bahawa langkah-langkah kawalan ESCP dan syarat-syarat Kebenaran Merancang adalah dipatuhi. Petani/ pekebun juga adalah bertanggung jawab bagi memastikan kerja-kerja kawalan hakisan telah diambil semasa mereka membangunkan tanah tersebut.



Bentuk deretan di kawasan permukaan cerun bagi mengurangkan hakisan tanah

2.4.6 SUNGAI

STRATEGI : Pengurusan dan Kawalan Pencemaran Sungai

ii. Peringkat Ladang

Perlu mandapat kelulusan bagi :-

- Laporan Impak Alam Sekitar (EIA), Laporan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)** - oleh Jabatan Alam Sekitar
- Erosion And Sediment Control Plan (ESCP)** - Jabatan Pengairan dan Saliran(JPS).
- Pelan Kerja Tanah, LCP dan Kebenaran Merancang** – Majlis Daerah Gua Musang

Semua langkah-langkah kawalan hakisan mesti diambil semasa memajukan tanah, terutamanya penyediaan sistem saliran utama dan perangkap sedimen utama.

Perangkap sedimen utama mesti dibina di lokasi yang strategik **disaluran keluar** dari kawasan ladang dan **disenggara** dengan baik.

iii. Peringkat Kawasan Lembangan Sungai

Merupakan **langkah pemantauan** terhadap keberkesanan sistem kawalan yang dilaksanakan di peringkat kebun dan ladang sebelum mendapan mengalir ke hilir sungai.

Program pemantauan kualiti air perlu dikendalikan oleh JPS mengikut stesen pemantauan di setiap kawasan lembangan sungai yang kecil.



Pembentahan Hidro (*HydroSeeding*)



Contoh Perangkap Sedimen

C. REZAB DAN KORIDOR SUNGAI

Program yang perlu dijalankan untuk melihara dan memulihara koridor sungai ialah:-

- Mewartakan** kawasan rizab sungai dengan serta-merta untuk menghalang pencerobohan tanah di masa hadapan.
- Menghadkan penggunaan tanah** di dalam kawasan rizab sungai dan zon penampaian sungai;
- Melaksanakan model pelan penampaian** yang mengambi kira biodiversiti dan kualiti air yang disyorkan dalam "Pengurusan Biodiversiti di dalam Zon Riparian" (2009) oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- Memelihara rizab sungai sebagai kawasan hijau** dengan penanaman jenis tumbuhan yang sesuai dan memastikan perlindungan kanopi di sepanjang koridor sungai.

Cadangan rizab sungai

Lebar Sungai (m)	Lebar Rizab (m)
>40	50
20 – 40	40
10 – 20	20
5 – 10	10
< 5	5

2.4.7 HUTAN



STRATEGI : Perlindungan dan Pemeliharaan Sumber Semulajadi

Memelihara dan memulihara
Kawasan Sensitif Alam Sekitar
(KSAS) di kawasan tanah kerajaan
dan tanah bermilik

Memelihara dan mengurus
Kawasan Hutan Hulu Air
(*headwater forest*) dan **Hutan**
Berawan (*montane cloud forest*).

Memperluaskan **Hutan Simpan Kekal**
dengan merangkumi kawasan hutan yang
strategik dan meningkatkan tahap
perlindungan dengan mengelaskannya
mengikut fungsi tertentu

Menjalankan kajian bagi menentukan
Kawasan Pemeliharaan Bernilai
Tinggi (high conservation value) di
tanah tinggi



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

2.4.7 HUTAN

STRATEGI : Perlindungan dan Pemeliharaan Sumber Semulajadi


Kedudukan Lojing antara 300 hingga 2000 meter atas paras laut diliputi **Hutan Dipterokarpa Bukit, Hutan Dipterokarpa Atas, Hutan Oak-Gunung dan Hutan Ericaceous-Gunung** yang kaya dengan pelbagai biodiversiti

Habitat istimewa **Rafflesia Kerrii** adalah tumbuhan yang unik perlu dipelihara


Langkah dan tindakan :

1. Diwartakan sebagai Hutan simpan kekal
2. Hutan Hulu Air dan Hutan Berawan berada di paras melebihi 1500 meter perlu dikategorikan **KSAS tahap 1**
3. Kawasan tadahan air, kawasan berisiko tinggi hakisan dan kawasan Orang Asli di luar Hutan Simpan Kekal perlu dimasukkan sebagai KSAS
4. Melaksanakan kajian terperinci ke atas kawasan pemeliharaan bernilai tinggi (HCV) supaya tidak pupus selama-lamanya.

Pengkelasan Semasa Hutan Simpanan Kekal di Tanah Tinggi Lojing



Cadangan Pengkelasan Semasa Hutan Simpanan Kekal di Tanah Tinggi Lojing




PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN TANAH TINGGI

3.1 CADANGAN PROJEK

Sebanyak 10 projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dengan anggaran kos sebanyak RM249 juta bagi tempoh sehingga tahun 2020.

Cadangan Projek RKK Tanah Tinggi Lojing serta Anggaran Kos Sehingga Tahun 2020

Kod	Projek	Anggaran Kos	
		(RM'000)	%
ENV-1	Projek Demonstrasi Pemuliharaan Kawasan Lembangan Sg. Jelai	4,284	1.7
ENV-2	Mekanisme Empangan Penyekat (<i>Check Dam</i>)	3,570	1.4
ENG-1	Loji Rawatan Air Pos Brooke	6,589	2.6
ENG-2	Bekalan Elektrik ke Tanah Tinggi Lojing	91,400	36.7
ENG-3	Pusat Pelupusan Sisa	74,646	30.0
ENG-4	Jalan Lingkaran di Tanah Tinggi Lojing	34,755	14.0
AGR-1	Program Latihan Untuk Petani	-	-
TRM-1	Taman Pemeliharaan Rafflesia	4,170	1.7
TRM-2	Taman Sungai Belatop	5,250	2.1
ASL-1	Pembangunan Penempatan Orang Asli Kg. Jedip	24,334	9.8
JUMLAH		248,998	100.0



ENV - 1


PROJEK 1 : Demonstrasi Bagi Pemulihan Kawasan Lembangan Sg. Jelai

Keterangan Projek	Projek yang dicadangkan akan melibatkan inisiatif berikut:- 1. Kawasan 4.3km ² hulu sungai bagi pengambilan air bagi Loji Pembersihan Air Jelai (Rajah C) akan dikenakan dan dipelihara sebagai kawasan tadahan air. 2. Aktiviti pertanian dan pembalakan tidak dibenarkan dalam kawasan tadahan air. 3. Kerja-kerja Tanam semula akan dijalankan di kawasan yang terdedah dalam lingkungan kawasan tadahan air. 4. Untuk melaksanakan ESCP dalam 3 tahap Pertahanan kawalan hakisan dan endapan di ladang-ladang pertanian di tanah Asam Layar Abadi. 5. Sebahagian daripada kawasan Teh Asam yang sebelum ini telah dibangunkan untuk pertanian akan ditukar kepada Pusat kediaman, komersial, resort, Taman kegunaan dan lain-lain. 6. Aktiviti-aktiviti lain termasuk pembangunan infrastruktur dan Pusat Pemprosesan hasil pertanian tanah tinggi. 7. Pelaksanaan ESCP bagi tapak pembangunan semasa pembinaan bangunan dan infrastruktur bagi no.5 dan 6. 8. Membina 'gabion' atau GPT bagi saluran masuk ke Tasik untuk memerangkap sedimen dan sampah-sarap dari kawasan bandar. Tasik juga akan bertindak sebagai kolam enapan Sg Jelai semasa peringkat pembinaan.
Pelan Lokasi	Lokasi kawasan lembangan Sungai Jelai. 

Agensi Pelaksanaan	Agensi	Nama	Tugas
Utama	PBT / PTG / PTD		<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan projek. • Pemantauan dan pengawasan.
	YAKIN & YAKIN Layar Abadi (Pemilik Tanah)		Melaksanakan ESCP peringkat pemilik tanah (tahap 2).
	NRE		Memberi peruntukan khas bagi projek tersebut.
Lain-lain	Jab. Pertanian, JPS, JAS dan AKSB		Menyediakan garis panduan dan air berkualiti yang memantau kerja-kerja dan khidmat nasihat kepada Pejabat Jajahan Kecil Lojing untuk perancangan.


Pelaksanaan Projek		Fasa 1 (2011-2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)	Fasa 4 (2026-2030)
		Fasa Reka bentuk	√		
Anggaran Kos			Jumlah Kos (RM)		
	Penyediaan Projek	RM 204,000			
	Kos Bina	RM 4,080,000			
Anggaran pendapatan	Pengurusan & Operasi	RM 170,000 setahun			
			Jumlah Pendapatan (RM)		
			<i>-tidak berkenaan-</i>		
Sumber dana			Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri	GLC / Swasta
	Pembangunan				√
	Operasi				√
Jangkaan Risiko & Kemungkinan Ancaman	<ul style="list-style-type: none"> Menyalahi undang-undang pertanian dan pembalakan di kawasan tadahan air. Pencemaran air akibat aktiviti bandar. Bantahan dari Layar Abadi sebagai sebahagian besar tanah mereka dikenal pasti untuk pemuliharaan. 				
Tindakan Awal	Kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan hulu Sg. Jelai bagi Loji Pembersihan Air sebagai kawasan tadahan air.				
Keperluan untuk perubahan undang-undang institusi	Tiada				

Model Pelaksanaan




ENV - 2


PROJEK 2 : Mekanisme Empangan Penyekat (*Check Dam*)

